

# Damainya Negeriku deklamasi PM meruntun hati orang ramai

UM 3 0 AUG 2003

PUTRAJAYA 29 Ogos — Puisi *Damainya Negeriku* yang dideklamasikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini berjaya meruntun hati orang ramai yang membanjiri Taman Putrajaya untuk mensyukuri rahmat menjadi rakyat Malaysia.

Kira-kira 2,000 orang menghayati Dr. Mahathir mendeklamasikan puisi pada Pesta Puisi Patriotik Keempat sambutan Hari Kebangsaan Ke-46.

Pesta Puisi Patriotik tahun ini amat bermakna kerana kali terakhir disertai oleh Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Puisi itu mengisahkan nasib negara lain yang "*diranapkan tamadun ribuan tahun*" manakala PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) hanya meng-

anggap "*keamanan adalah lagu fantasi*".

Dr. Mahathir menggarap puisi itu dengan membandingkan negara lain yang menghadapi perang di mana "*..bumi tidak lagi terhampar bagai bunga-bunga yang telah pudar*".

Beliau melahirkan keyakinan bahawa rakyat Malaysia akan terus berjuang untuk keluar daripada menjadi bangsa dihina, ditindas dan dipijak.

Beliau mengakhiri puisinya dengan mensyukuri betapa "*..damainya negeriku*".

- Sajak penuh di muka 2
- Lagi laporan, gambar di muka 5

Terdahulu "Tanah Putrajaya bertuah" menjadi saksi ikrar wanita Malaysia "*...untuk sentiasa berada di belakang pemimpin*

*bagi mempertahankan serta memperteguhkan kemerdekaan ini*".

Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menyerlahkan sifat mithali beliau sebagai ibu dan isteri melalui puisi *Wanita dan Hari Kemerdekaan*.

Turut memeriahkan Pesta Puisi Patriotik itu ialah Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said, pemuisi Datuk Dr. Ahmad Kamal Abdullah (Kemala), Ras Adiba Radzi, Lim Swee Tin, Datuk Jins Samsudin dan penyair muda, Muhd. Izz Taufiq Szalee.

Lagu *Wira Terbilang* oleh penyanyi Aishah yang didendangkan sebaik sahaja Dr. Mahathir mendeklamasikan puisi, membara hadirin menghargai jasa pemimpin yang telah memartabatkan negara di mata dunia.

Sementara itu pagi ini, raptai terakhir perarakan dan perhimpunan raksasa Hari Kebangsaan Ke-46 di Dataran Putrajaya di sini berjalan lancar walaupun hujan seketika.

Perarakan yang disertai oleh 22,640 orang itu terdiri daripada 16 pancaragam sekolah, enam pancaragam agensi kerajaan, 63 kontinjen terdiri daripada 10,166 peserta pejalan kaki, kumpulan Simfoni Rakyat Malaysia (8,000) dan Kumpulan Rakyat Bersepadu (3,000).

Turut mengambil bahagian ialah 18 kereta berhias, 20 pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia, Tentera Darat Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia serta 312 kenderaan pelbagai jenis seperti kereta nasional Proton dan kenderaan-kenderaan tentera.